

# Rayuan Bantuan Kepada Mangsa Bencana Banjir

Sebagaimana yang kita telah maklum, beberapa negeri di tanahair kita sedang dilanda musibah banjir. Keadaan di beberapa tempat seperti daerah-daerah Pekan dan Bera di Pahang, keadaan banjir tidak banyak berubah, bahkan semakin buruk. Ramai juga yang masih terputus hubungan sama sekali, tanpa elektrik dan air.

Relawan-relawan HALUAN kini aktif menyumbang bantuan kepada mangsa-mangsa, termasuklah bantuan rawatan perubatan, kaunseling dan motivasi, mengurus pusat penempatan banjir, dan pelbagai bentuk kerja bantuan lain yang mampu dicurahkan.

HALUAN bekerjasama erat dengan pihak berkuasa, antaranya Angkatan Tentera, Bomba, Polis, dan badan-badan kebajikan setempat.

HALUAN dengan ini mengajak masyarakat prihatin untuk sama-sama membantu mereka yang ditimpa musibah ini.

Mereka amat berhajatkan kepada keperluan asas:

- Pakaian
- Lampin bayi
- Susu bayi

Ayuh! Buktikan keprihatinan dan persaudaraan kita. Bantulah, sementara mereka memerlukan. Jadikanlah musibah ini sebagai peluang untuk kita mengumpul saham di akhirat kelak.

## Apa anda boleh lakukan?

- **hulurkan sebahagian dari rezki anda kepada mangsa**
- **ajak orang lain untuk turut menderma**
- **sampaikan maklumat kepada masyarakat**
- **doakan untuk mereka tabah meneruskan kehidupan**

**Salurkan sumbangan anda ke  
Tabung Kemanusiaan HALUAN  
No Akaun: 14-023-01-002571-8  
Bank Islam Malaysia Berhad**

**atau hubungi pejabat HALUAN**

**PERTUBUHAN HIMPUNAN LEPASAN INSTITUSI-  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA  
(HALUAN, PPM 969/88)**

Tingkat 1, No. C-02-17  
Jalan Seri Kenari 12  
Taman Seri Kenari  
43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03 8739 4151  
Fax: 03 8739 4151

<http://www.haluan.org.my>  
email: [info@haluan.org.my](mailto:info@haluan.org.my)



*mendidik &  
berbakti*

